

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 37 RABU 16 SEPTEMBER 1970 1390 رجب 15 رايو PERCHUMA



SABDA Y.T.M. DULI PENGIRAN PERDANA WAZIR DI-MAJLIS PEMBUKAAN RASMI SEK. INGERIS PERDANA WAZIR

KUALA BELAIT. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah telah merasmikan pembukaan Sekolah Pengiran Perdana Wazir di-Kuala Belait pada hari Sabtu 12 September yang lalu.

Sekolah yang dulu-nya di-gelar Sekolah Persediaan Ingeris Kuala Belait telah di-tukar menjadi Sekolah Pengiran Perdana Wazir pada bulan Julai lepas ia-itu sa-bagai memperingati perkahwinan di-antara Yang Teramat Mulia itu dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Zariah.

Sekolah tersebut mempunyai 36 buah bilek darjah dan boleh menampung kira 1000 orang murid.

Hadhir di-majlis pembukaan rasmi itu ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara,

Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2, serta pegawai2 kanan kerajaan.

Sabda Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir sa-penoh-nya ada-lah saperti berikut:

Beta dahulukan shukor kahadrat Allah mengizinkan beta di-majlis Istiadat untuk merasmikan sekolah Ingeris Perdana Wazir di-mana beta sendiri di-fahamkan nama sekolah ini telah di-umumkan sa-chara rasmi bersempena istiadat perkahwinan di-antara beta dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Puteri Zariah. Atas penghargaan yang di-berikan kepada beta ini mudahan beta tidak akan melupakan dan di-sertaj dengan banyak2 terima kaseh kepada anggota2 yang berkenaan terutama sekali kepada Dato' Pengarah Pelajaran.

Awang2 dan Dayang2 sekalian — Dengan terdiri-nya sa-buah lagi sekolah Ingeris di-Daerah ini, maka nyata-

lah kepada kita bahaya Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan telah membuktikan bahawa dalam mengusahakan laila membangun sa-buah negeri kita Brunei Darussalam yang mana Baginda mengalukan soal keselamatan laila sentosa serta kesihatan dan berjenis2 segi dan berjenis mata pelajaran ada-lah amat penting dan perkara ini telah pun di-lafadzkan oleh Paduka Ayahanda beta sendiri semasa Paduka Ayahanda beta itu merasmikan kursus guru2 kelas dewasa pelajaran rendah pada 7hb. Ogos yang lalu.

Beta ingin menegaskan bahawa tanpa keselamatan laila sentosa, tanpa kesihatan, tanpa pelajaran laila berkelusan yang mempunyai pengalaman laila mahir akan menyentoh istilah 'tinggi2 payau' dan kedhaipan badan hasrat hati kerana keselamatan ada-lah usaha (lindungan kebajikan) dalam negeri dan luar negeri.

Kesihatan pada beta istilah-nya aman dan tenteram menggalakan supaya rajin dan patoh pada undang2 peratoran Kerajaan D.Y.M.M. Paduka Seri Sultan dan Yang Di-Pertuan dan menjauhi perbuatan kejam dan merbahaya yang di-kutok oleh Allah Subhana huwata'ala.

Bagi diri beta sendiri dengan izin Allah bersedia dengan suka rela bila D.Y.M.M. menghendaki beta menempoh, menchegeh perbuatan yang kejam dan merbahaya dan akan mengancam keselamatan akan menchemarkan atau memburokkan nama Negeri Brunei Darussalam sama2 dengan

(Lihat Muka 8)

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himanah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah ketika melafadzkan sabda sa-belum merasmikan pembukaan sekolah tersebut.

Tiga pegawai berkursus di-U.K.

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang pegawai pentadbir Kerajaan akan bertolak ka-United Kingdom pada hari Juma'at 18 September ini untuk mengikuti satu kursus di-sana.

Mereka ia-lah Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim Pegawai Pentadbir di-Pejabat Daerah Brunei/Muara; Awang Abu Bakar bin Haji Safar, Pegawai Pentadbir di-Pejabat Perjawatan dan Awang Ali bin Abu Bakar Pegawai Pentadbir di-Pejabat Daerah Tutong.

Ketiga2 mereka akan mengikuti kursus pentadbiran awam sa-lama satu tahun di-Torquay South England.

UCHAPAN TERIMA KASEH

YANG Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid telah mengumumkan:

Menjunjong sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna serta Yang Amat Mulia Pengiran Mahraja Setia Laila Diraja Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, mengucapkan berbanyak2 terima kaseh di atas ucapan tahniah yang telah di-sampaikan di-masa Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna melahirkan sa-orang putera yang bernama Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah pada hari Juma'at 4hb. September, 1970 pukul 5.15 petang yang menjadi chunda kapada D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin.

DUA LAGI KAPAL
RONDA UTK AMDB
BANDAR BRUNEI. — Dua buah lagi kapal ronda baru pasokan Laut Askar Melayu Di-Raja Brunei akan di-lancarkan pada hari Juma'at 18 September.

Satu siaran dari Askar Melayu Di-Raja Brunei berkata bahawa kapal2 yang panjangnya 60 kaki tiap2 satu itu akan di-beri nama KDB Saleha dan KDB Masna untuk menghormati keluarga di-raja.

Pelancaran itu akan di-lakukan oleh Datin Simpson, isteri Pemerintah Askar Melayu Di-Raja Brunei Colonel Dato Setia J.J.H. Simpson di-Limbongan Vospor Thorneycroft Uniteers di-Singapura.

Sa-belum pelancaran itu, do'a selamat akan di-lakukan oleh Kadhi Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin.

Di - upacara pelancaran itu Kerajaan Brunei akan di-wakili oleh Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin.

PERLEMBAGAAN BRUNEI

DENGAN pendahuluan yang serba ringkas itu tadi saya shorkan supaya sharahan ini di-aleh kepada satu pemereksaan mengenai sistem pentadbiran di-negara kita yang terchinta ini, Brunei Darul Salam. Saya perchaya sa-bilangan besar daripada yang menghadziri kursus ini mengetahui bahawa:

Negeri Brunei ada-lah sa-buah negara yang bersulatan dan bekerajaan sendiri di-dalam negeri di-bawah lindungan Kerajaan Baginda Queen. Menurut Perlembagaan Negeri Brunei, 1959, kuasa tertinggi bagi pentadbiran Negara ia-lah Sultan; kechuali perkara2 mengenai hal ehwal luar, pertahanan dan keselamatan, yang mana ada-lah tanggung-jawab Kerajaan United Kingdom. Walau pun sa-bagaimana saya nyatakan tadi bahawa kuasa tertinggi mengenai pentadbiran ia-lah Sultan. Tetapi barang mustahil-lah Baginda melakukan pentadbiran itu sa-chara bersendirian. Di-bawah kuat kuasa Perlembagaan Negeri Brunei, 1959, Baginda telah membentok Majlis2 Mashuarat Di-Raja, Mashuarat Menteri2, dan Majlis Mashuarat Negeri. Sa-lain daripada itu Baginda juga telah membentok Majlis Mashuarat Shara'iah di-bawah Undang2 Majlis Ugama dan Mahkamah2 Kadzi. Beberapa buah Badan Bebas juga telah di-bentok seperti Surohanjaya Perkhidmatan Awam, Surohanjaya Pilehan Raya dan Kehakiman (Judiciary).

Untuk menjelaskan lagi, saya rasa ada-lah perlu bagi saya untuk meneliti lebeh lanjut tentang Majlis2 Mashuarat Di-Raja, Menteri2 dan Majlis Mashuarat Negeri yang di-bentok oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan sa-bagaimana yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan itu:-

i) Majlis Mashuarat Di-Raja

Majlis ini ada-lah di-pengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan mempunyai tugas untuk memberi nasehat kepada Baginda dalam perkara2 mengenai pengampunan Di-Raja, pindaan2 kepada Perlembagaan, melantek Pembesar2 Negara menurut Adat Istiadat Melayu Negeri Brunei, dan memberi pengorniaan bintang2 kebesaran serta pingat2 kehormatan negara. Pada memithalkan kita sama2 beruntung dapat menyaksikan beberapa istiadat2 menggelar Wazir, Cheteria dan Menteri2 dalam sa-tahun dua ini dan demikian juga sabilangan daripada raayat dan penduduk negeri ini telah di-anugerahkan bintang2 dan pingat2 kebesaran. Walau pun gelaran dan bintang2 itu ada-lah anuge-

PENTADBIRAN AWAM

(SAMBONGAN)

Oleh: AWANG ABD. AZIZ UMAR AL-HAJ

rah dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia, tetapi ada-lah perkara mustahil bagi Duli Yang Maha Mulia sendiri sapenoh-nya mengetahui segala2 perkara tanpa nasehat dan pandangan dari pegawai2 yang bertugas. Dalam bidang gelaran dan bintang2 kehormatan ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini pula mempunyai ahli2 yang berikut:-

a) Pemangku Raja, jika sakira-nya Majlis Pemangku Raja di-lantek;

b) Tujuh orang ahli kerana jawatan ia-itu Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Perdana Wazir, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar, Yang Berhormat Penasehat Ugama, dan sa-orang lain yang memegang jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan yang mana akan di-istiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia di-dalam Warta Kerajaan dari sa-masa ka-samasa;

c) Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei; dan

d) Ahli2 yang di-lantek oleh Sultan dengan Mohor Kerajaan.

Bagi faedah2 ahli2 yang di-lantek oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu tidak-lah terhad bilangan-nya. Pada masa ini semua Cheteria2 dan beberapa orang Menteri2 ia-itu Pehin2 ada-lah ahli Majlis Mashuarat Di-Raja. Saya penoh perchaya jika gelaran Yang Teramat Mulia Pengiran Di-Gadong dan Yang Teramat Mulia Pengiran Temanggong di-penohi, kedua2 wazir ini barang sa-tentu-nya akan menjadi ahli kerana jawatan ia-itu saperti wazir2 yang lain.

ii) Majlis Mashuarat Menteri2

Majlis ini juga di-pengerusikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan yang mana ada-lah mengandongi 12 orang ahli ia-itu 7 orang ahli kerana jawatan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, dan 4 orang ahli yang lain yang di-lantek oleh Sultan yang mana keempat2 mereka itu hendak-lah mereka yang menjadi ahli Majlis Mashuarat Negeri. Pada masa2 yang lalu mereka ini di-kenal sebagai "Penolong2 Menteri". Majlis ini mempunyai kuasa untuk memberi nasehat kepada Sultan dalam semua perkara mengenai pen-

tadbiran termasuk membuat dasar2 Kerajaan dan juga perkara2 yang akan di-bentangkan di-dalam Majlis Mashuarat Negeri.

Dalam hal ini satu chuntoh yang utama ia-lah Peruntokan Tahunan yang lazim-nya di-luluskan oleh Majlis Mashuarat Negeri itu hendak-lah terlebih dahulu di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mashuarat Menteri2. Demikian-lah juga dasar2 Kerajaan yang lain. Sa-bagai perbandingan Majlis Mashuarat Menteri2 ini kadang2 di-kenal sa-bagai Kabinet di-negeri2 lain, tetapi gelaran Majlis Mashuarat Menteri2 itu bukan-lah satu nama yang ganjil atau luar biasa; sa-benar-nya banyak juga negara2 di-Dunia ini menggunakan nama itu.

iii) Majlis Mashuarat Negeri

Majlis ini mempunyai -21 orang ahli ia-itu 6 orang ahli kerana jawatan, 5 orang ahli yang di-lantek oleh Sultan dari kalangan Pegawai2 Kerajaan, dan 10 orang ahli yang di-lantek dari kalangan yang bukan pegawai Kerajaan. Majlis ini di-pengerusikan oleh Yang Di-Pertua Majlis, atau Speaker dan persidangan-nya ada-lah terbuka kepada awam. Antara lain, tugas2 majlis ini ada-lah untuk meluluskan Undang2, meluluskan Anggaran2 Belanjaan Kerajaan yang mana ada-lah berma'ana majlis ini mempunyai kuasa untuk mengawal kewangan Kerajaan dan memberi tegoran2 ka-atas tugas2 kerajaan.

Sa-bagaimana yang saya nyatakan tadi, sa-lain daripada 3 buah Majlis Mashuarat yang di-bentangkan di-atas, Duli Yang Maha Mulia juga telah menubuhkan Majlis Mashuarat Shara'iah yang di-bentok menurut Undang2 Majlis Ugama dan Mahkamah2 Kadzi. Majlis ini ada-lah mempunyai tugas untuk memberi nasehat kepada Baginda dalam semua perkara mengenai Ugama Islam, ia-nya mempunyai ahli2 yang di-lantek oleh Sultan dan pengerusi-nya pada masa ini ia-lah juga Yang Di-Pertua Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Brunei.

Sa-chuchok dengan adat istiadat yang telah di-turun-temurunkan oleh dato nenek kita, walau pun tidak termaktub dalam perlembagaan negara tetapi mempunyai signifikan yang tertentu, satu majlis ma-

shuarat ia-itu Majlis Mashuarat Orang2 Bergelar juga mempunyai peranan dalam pemerintahan negeri ini. Saperti nama-nya itu, majlis ini ada-lah terdiri dari semua orang2 bergelar; sama ada Wazir, Cheteria, Pehin2 atau pun Menteri2 Pendalaman. Mereka ini nampak-nya boleh membincangkan apa2 jua hal atau lapangan yang terthabit dengan kebajikan dan kehidupan raayat negeri ini. Selanjut-nya saya perchaya kita semua tentu mengikuti bahawa orang2 ramai ada-lah mempunyai hak yang tertentu bagi menghadapi sa-barang kesulitan dan kemurungan mereka jika kampung atau tempat itu tidak atau belum mempunyai Ketua Kampong-nya atau Penghulu. Jadi tidak heran-lah pada zaman dahulu, raayat dan Raja-nya itu senantiasia mempunyai perhubungan yang rapat melalui orang2 bergelar ini. Dengan perhubungan ini-lah menimbulkan kaseh sayang Raja terhadap raayat-nya dan keta'atan raayat kepada Raja-nya. Proses ini-lah juga yang menjadi asas perpaduan negeri Brunei Darul Salam pada zaman itu.

Dari apa yang saya nyatakan di-atas tadi bahawa kuasa2 tertinggi dalam Pentadbiran Negeri ini ia-lah di-tangan Sultan dan bagi membantu Baginda di-dalam menjalankan kuasa2 ini, Perlembagaan Negeri Brunei, 1959, telah menetapkan lantekan2 Menteri Besar, yang mana ada-lah mempunyai tanggung-jawab untuk menjalankan kuasa2 Pentadbiran Negeri. Menteri Besar ini di-bantu oleh Pegawai2 yang berikut:-

a) Timbalan Menteri Besar — ada-lah bertanggung jawab untuk membantu Menteri Besar bagi menjalankan tugas2 dan kuasa2-nya. Timbalan Menteri Besar ini atas arahan daripada Menteri Besar boleh menjalankan kuasa2 yang diberikan kepada Menteri Besar;

b) Setia Usaha Kerajaan — ia-lah pegawai utama dalam menjalankan hal ehwal Pentadbiran Negeri;

c) Peguam Negara — ia-lah pegawai utama yang bertanggung-jawab di-dalam perkara2 mengenai Undang2 Negara;

d) Pegawai Kewangan Negara — ia-lah menjadi pegawai utama yang di-berikan kuasa untuk mengawal perkara2 mengenai hal ehwal kewangan Negara; dan

e) 4 orang Penolong2 Menteri yang di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia daripada ahli2 Majlis Mashuarat Menteri2. Mereka ini ada-lah di-lantek berthabit dengan beberapa buah Jabatan2 Kerajaan yang tertentu.

(bersambung)

BARU2 ini Warta Jabatan Ugama Johor keluaran bulan Ogos 1970 telah menyiarkan sa-buah Khutbah Jumaat yang bertajok 'Ilmu Salah' Oleh kerana memaklarkan ada baik-nya khutbah itu diketahui umum, maka ini-lah di-petek khutbah tersebut.

Di-masa akhir2 ini ada di-dapati dengan jalan bersulit2 atau bersembunyi2, ketua2 pengajar Ugama sesat menjalankan jarum kesesatan-nya merachuni fikiran orang2 awam dengan keadaan yang sangat2 menarek hati.

Mereka berlagak sa-bagai orang2 yang terlalu wara' sa-bagai ahli tasauf yang terlalu ikhlas, atau sa-bagai ahli2 ugama yang tersangat jujur, pada hal yang sabenar-nya mereka ia-lah dari golongan dajal2 penipu yang menyembunyikan kekafiran-nya, tetapi oleh kerana tangan mereka ada juga naskah2 kitab suci Al-Quran, kitab2 hadith atau kitab2 ugama dan bertambah2 lagi disebabkan hati orang2 awam tersangat lurus, selalu terpesona dengan jenis2 pakaian yang berchorak ke-ugamaan, mudah terpengaruh dengan gaya2 wara' yang di-buat2 dan satengah-nya pula memang sedia ada berangan2 hendak menchari jalan pintas untuk menuju ka-pintu shorga, maka makin segera-lah mereka ter-tipu dengan ajaran2 sesat ini.

Bahawa ajaran2 sesat itu ada banyak macham-nya dan ada bermacam2 nama-nya. Nama2 ini timbul di-sebabkan mereka di-tentang oleh ajaran2 ugama yang sabenar, maka dengan nama yang berbagai2 itu memudahkan mereka dapat ber-selindung supaya tidak terlalu ketara di-sisi orang ramai. Buat masa ini ajaran2 sesat yang di-dapati selalu tersiar dengan chara bersembunyi2 itu di-antara-nya ia-lah "ajaran taslim, Qadiani atau ahmadi dan ada sedikit2 ajaran bahai".

Taslim ia-lah suatu macham ugama salah dalam mana tiap2 orang yang ingin menganut ajaran-nya mesti-lah lebeh dulu bersumpah dengan menggunakan kitab Al-Quran dan dengan mengaku sanggup bahawa ia tidak akan mencheritakan ajaran2 itu kepada sa-barang orang yang lain walau pun di-antara sesama penganut taslim sendiri, kechuali apabila ia telah di-perchayai penoh oleh ketua puak itu.

Sa-tiap orang yang telah di-iktirab yang ia benar2 telah menjadi taslim di-minta-lah orang2 itu menyerahkan harta-nya, diri-nya, anak2-nya bahkan isteri-nya sekalipun kepada ketua penyar ajaran taslim itu di-mana pada suatu masa dalam sa-tahun ketua puak itu akan menganjorkan suatu macham perkumpulan berpesta sukaria bermakan minum.

Di-suatu tempat yang khas dengan waktu-nya di-tengah malam sunyi dan bergelap pula, penganut2 taslim mengadakan majlis bergaul di-antara sesama mereka lelaki dan perempuan, tua muda, bujang dara dan membolehkan mereka

melakukan apa saja yang hendak di-lakukan pada malam itu di-antara lelaki dan wanita, walaupun hingga menyetubuhi ibu atau anak gadis-nya sendiri, semua-nya tidak menjadi masalah kepada mereka, malah memang begitu-lah kehendak ajaran taslim kerana erti taslim itu sendiri ia-lah 'menyerah'. Maka apabila tiba ka-perengkat menyerah hendak-lah sa-seorang itu menyerahkan segala2-nya pada istilah mereka perbuatan2 seperti itu perlu untuk mendapatkan lazat-ruh atau lebeh tepat apa yang di-katakan mendapatkan chahaya atau keserunokkan jiwa.

Qadiani pula ia-itu suatu ajaran ugama yang mudah saja dapat di-ketahui kesesatan-nya. Puak2 qadiani perchaya bahawa kemudian daripada Nabi Mohammad ada lagi sa-orang nabi ia-itu **Mirza Galam Ahmad**. Mereka juga menganggap bahawa **Mirza Galam Ahmad** itu ia-lah juga Imam Mahdi dan di-lah juga Nabi Isa atau Al-Masih Al-Mau'ud yang di-janjikan akan turun semula. Dengan ini sahaja pun telah cukup untuk menjadi bukti betapa sesat-nya iktikad Qadiani. Tetapi di-hadapan kita mereka mengaku bahawa mereka ada-lah berugama Islam kunun-nya, mereka perchaya kepada Quran dan di-dalam tangan mereka juga ada kitab2 hadith dan bijak berbathath menegakkan benang yang basah.

Sa-lain daripada itu mereka juga suka menunjol2kan kepada kita bahawa kalimah menguchap mereka sama dengan kalimah menguchap kita, chara sembahyang mereka sama dengan chara sembahyang kita, kiblat kita ia-lah juga kiblat mereka, malah mereka lebeh kuat mengerjakan sembahyang tengah malam (sembahyang tahajjud). Maka dengan sebab demikian ada-lah juga di-dapati sedikit sa-banyak orang2 yang terpengaruh dengan tipu belit puak2 Qadiani ini.

Sementara puak bahai pula ia-lah suatu puak yang terang2 mengatakan bahawa shari'at junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w. telah habis tempohnya apabila genap 1000 tahun, mereka tidak mengakui yang shari'at junjongan kita itu kekal dan berjalan terus hingga

PENGAJAR2 UGAMA SESAT

MERACHUNI FIKIRAN

KHUTBAH JUMA'AT

ORANG2 AWAM

ka-hari kiamat, mereka mengatankan bagitu dengan berdasarkan ayat2 Al-Quran juga. Mereka mengatakan lagi bahawa sa-orang yang bernama **Mirza Ali Mohamad (Gatura)** yang di-bunuh di-negeri Turki itu ia-lah Imam Mahdi, manakala sa-orang lagi yang bernama **Baha Allah** pula ia-lah Nabi Isa atau Al-Masih Al-Mau'ud yang di-janjikan akan berjalan shari'at-nya sa-lama 1000 tahun, tidak payah sembahyang, tidak payah puasa dan tidak payah juga menunai-kan fardhu haji manakala memberi zakat atau memberi sedekah di-sini mereka hukum-nya haram sama sekali.

Penerangan2 sa-umpama ini bagi orang2 yang memang malas sembahyang atau malas puasa atau ibadat2 sa-umpama-nya benar2-lah menarek hati dan demikian juga kalau salah2 gaya, kita akan ikut terpengaruh dan perchaya kepada tipu belit-nya. Firman Allah di-dalam Al-Quran di-surah Annisa' ayat 114 yang bermaksud:

"Sesiapa yang menyalahi Rasulullah pada ajaran2 yang telah di-kemukakan-nya yang memang ternyata benar itu dan ia mengikut bukan jalan orang2 yang beriman neschaya kami akan palingkan dia kepada jalan yang ia berpaling kepadanya dan kami masukkan dia ke-neraka jahanam sa-dahsat2 tempat kembali".

Di-dalam suatu hadith riwayat abi Daud dan Al-Termizi, daripada Thuban r.a., Rasulullah

s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

"Tidak akan berlaku kiamat hingga-lah ada beberapa golongan daripada umat ku terpengaruh (ter-ikur2) dengan golongan mushrikin dan malah hingga turut menyembah berhala, bahawa sa-sungguh-nya akan timbul di-kalangan umat ku golongan pembongoh dusta tiga puluh semua-nya masing2 mendawa bahawa sa-benar-nya dia Nabi Allah, pada hal aku ia-lah nabi terakhir. Tiada walau sa-orang Nabi pun kemudian daripada ku".

Begitu-lah titik2 persimpangan keperchayaan atau iktikad dari ajaran2 ilmu sesat yang telah berpuluh2 atau beratus2 nama lagi yang bergerak dengan sunggo2 lichen di-negera kita ini yang sa-paroh2-nya sengahaja di-peralatkan oleh pehak2 yang tertentu untuk tujuan memechah belahkan di-antara sesama Islam.

Puak2 sesat itu mula2 akan memberi tahu kepada kita bahawa ilmu yang di-ajar-nya ia-lah sa-tinggi2 ilmu ugama, semua alim ulama tahu akan ilmu itu sedar-kan mereka terikat, tidak boleh menerangkan sa-penoh2-nya. Oleh yang demikian perlu-lah ilmu itu di-ajar dengan chara bersulit2 atau bersembunyi2.

Oleh yang demikian kita hendak-lah senentiasa beringat dan takdir-nya kita bertempung dengan ajaran2 yang ganjil saja bunyi-nya lebeh2 lagi jika ajaran2 itu di-sibarkan dengan chara bersembunyi2, maka lekas2-lah kita menemui ulama2 yang terkenal serta berta-nyu2 faham dengan-nya kerana ilmu ugama yang sabenar-nya itu tidak perlu di-ajar dengan chara bersembunyi2 sabalek-nya mestilah dengan berterang2 supaya dapat di-dengar dan di-bathathkan oleh orang ramai.

Ketahui-lah bahawa salah terima ajaran dalam perkara iktikad tidak-lah sama berat-nya seperti kita bersalah terima ajaran dalam masalah **puru'** (dalam masalah2 yang bukan iktikad).

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 16 Sept. 1970 hingga ka-hari Selasa 22 Sept. 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
16 Sept.	12-21	3-37	6-25	7-38	4-39	4-54	6-10
17 Sept.	12-21	3-37	6-25	7-38	4-39	4-54	6-10
18 Sept.	12-21	3-37	6-25	7-38	4-39	4-54	6-10
19 Sept.	12-21	3-37	6-25	7-38	4-39	4-54	6-10
20 Sept.	12-21	3-37	6-25	7-38	4-39	4-54	6-10
21 Sept.	12-19	3-36	6-23	7-35	4-37	4-54	6-09
22 Sept.	12-19	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

16hb. September, 1970

PERADUAN2 MENGARANG


TAHUN 1970 ini, nampaknya merupakan satu tahun pengempor tenaga2 penulis atau sasterawan2 tanah ayer bagi menunjukkan kemampuan mereka di-lapangan yang mereka sendiri turut bergolak.

Dengan beberapa peraduan mengarang yang di-anjarkan dalam tahun 1970 ini, maka tidak shak lagi telah menimbulkan berbagai2 emosi di-kalangan penulis, baik yang menyambutnya dengan perasaan yang begitu senang, mahupun yang di-kungkong dengan kegelisahan yang maseh tidak dapat menentukan ka-arrah mana yang mau di-masoki. Misal-nya, peraduan menulis renchana berhubung dengan perkembangan Negeri Brunei dalam masa pemerintahan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan di-tutup pada 24 September, 1970 dan peraduan mengarang drama yang berchorak moden dan drama purba berkehendakkan skrip2-nya di-hantar tidak lewat pada 30 September ini.

Chuma yang paling panjang masa penutupan-nya ia-lah peraduan mengarang cherpen dewasa dan cherpen kanak2 yang di-anjarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei ia-itu pada 3 Disember, 1970 ini.

Memandang kepada tarikh2 penutupan peraduan2 tersebut, kechuali yang di-anjarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, maka tidak shak lagi telah menimbulkan suatu keadaan yang kurang tenteram di-kalangan penulis2 tanah ayer yang benar2 berhasrat untuk memasoki peraduan2 tersebut. Dengan keadaan yang berserabut ini, maka ia-nya boleh mempengaruhi kepada penurunan nilai2 penulisan dan tidak dapat mengujudkan fakta2 penulisan yang kongkrit terutama dari segi penulisan renchana2 yang berkehendakkan latar belakang yang kuat dan tepat. Satu galakan kepada penulis2 tanah ayer untuk menchipat hasil2 tuhan yang bersandarkan kepada bahan2 yang nyata dan tepat haruslah di-utamakan sesuai dengan seruan2 kerajaan yang berkehendakkan penulis2 tanah ayer menghasilkan karya2 yang berdasarkan kepada kenyataan bagi membayangkan kedudukan Brunei yang sebenar-nya dalam berbagai2 segi. Soal ini banyak sekali sangkut paut-nya dengan masa bagi membolehkan penulis2 untuk mencari bahan2 yang penting menurut penilaian masing2. Bahan2 rujukan yang banyak ada-lah perlu untuk melahirkan sa-buah renchana yang baik, tetapi bagi penulis2 dalam negara2 yang sudah membangun soal ini tidak begitu merumitkan. Sa-buah renchana yang hanya berpandukan kepada ingatan2, tetapi tidak menyebutkan sumber2 yang tertentu, kadang2 boleh menimbulkan kekeliruan.

Walaupun demikian, maka dari sudut untuk mengasah bakat penulis dan menggaikkan mereka di-lapangan ini, maka peraduan2 seperti itu ada-lah merupakan satu jalan yang sa-baik2-nya. Tetapi untuk masa2 yang akan datang tidak akan timbul pertembongan2 sa-umpama ini, dan harus di-chari jalan yang sa-baik2-nya.



Empat penyanyi di-pileh ka-perengkat akhir

TUTONG. — Sa-ramai empat orang peserta telah di-pileh untuk mewakili Daerah Tutong ka-pertandingan Bintang Radio perengkat seluruh negeri, yang akan di-adakan di-Bandar Brunei pada 3 Oktober, sebahagian dari rancangan menyambut hari penukaran Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan.

Mereka di-pileh dari lapan belas orang peserta, termasuk enam orang wanita yang mengambil bahagian dalam peraduan Bintang Radio perengkat daerah itu di-Dewan Sekolah Ingeris Tutong pada minggu lalu.

Pegawai Daerah Tutong Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh telah merasmikan pertandingan itu, sementara hadiah2 telah di-sampaikan oleh isteri beliau Pengiran Siti Zubaidah.

Gambar atas menunjukkan empat orang penyanyi yang mewakili Daerah Tutong. Dari kiri Dayang Noriah bte Udin, Awang Hamid Udin, Awang Shamsuddin Idris dan Dayang Zainab Suhut, sementara gambar kiri: Pengiran Siti Zubaidah sedang menyampaikan piala kepada Awang Shamsuddin.



Belait pileh qari2 dan qariah2 ka-peraduan perengkat negeri

KUALA BELAIT. — Sa-ramai 12 orang qari dan qariah telah mengambil bahagian dalam peraduan membacha Al-Quran bagi Daerah Belait di-padang KBRC Kuala Belait malam Ahad lalu.

Peraduan itu telah di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Belait Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan, sementara Kadzi Besar Negeri Brunei Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin menyampaikan sharahan khas di-majlis itu.

Keputusan pertandingan, bahagian lelaki dewasa: Johan Awang Abu Bakar bin Haji Paun; dan naib johan Awang Murni bin Sanai. Bahagian perempuan: Johan — Dayang Aminah binte Mohamed dan naib johan Dayang Taibah binte Kudi.

Mereka akan mewakili Daerah Belait ka-peraduan seluruh negeri yang akan berlangsung di-Bandar Brunei bulan hada-

pan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh isteri Pegawai Daerah Belait.

Sementara itu, Bahagian Tutong Dua pada hari Ahad lalu juga telah mengadakan peraduan yang sama di-Kampung Penanjong. Sa-ramai 14 orang qari dan qariah telah mengambil bahagian.

Keputusan peraduan ada-lah seperti berikut:

Bahagian lelaki: Pertama-Awang Mat Yusof bin Donglah; kedua-Awang Abdul Hamid bin Talifuddin dan ketiga-Awang Hamdan bin Haji Nawang.

Bahagian perempuan: Pertama — Dayang Hamidah binte Ghafar; kedua — Dayang Mordiah binte Haji Yassin dan ketiga-Dayang Latifah binte Libut.

Peserta2 yang berjaya akan mewakili Bahagian Tutong Dua ka-peraduan perengkat daerah yang akan di-adakan pada 19 September.

Tarikh penutup di-lanjutkan

BANDAR BRUNEI. — Majlis Belia2 Negeri Brunei setakat ini telah mendaftarkan lebih 50 orang peserta yang ingin menyertai dalam perlumbaan basikal jarak jauh dari Kuala Belait ka-Bandar Brunei.

Sa-orang juruchakap Majlis Belia2 berkata, untuk memberi peluang lebih ramai lagi peserta2 yang masuk bertanding, tarikh penutup penerimaan borang2 di-lanjutkan lagi dari hari ini sa-hingga Sabtu 19 September.

Borang2 itu boleh di-dapati dan di-kembalikan kepada Awang Abdul Wahab bin Tengah di-Pejabat Kebajikan Masyarakat Bandar Brunei, Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim di-Pejabat Penyiaran dan Penerangan Kuala Belait dan Awang Junaidi bin O.K.S.N. Mohamed Safar di-Persatuan Melayu Keriam Tutong.



Gambar atas: Awang Lim Jock Seng sedang memberikan cheramahnya, sementara gambar kanan menunjukkan sa-bahagian dari ahli2 persatuan belia yang hadir dalam majlis cheramah tersebut.

Majlis cheramah

BANDAR BRUNEI. — Enam orang Wakil2 Majlis Belia Negeri Brunei ka-Perhimpunan Belia Sa-Dunia di-New York dan Osaka telah memberikan cheramah di-Pusat Belia di-Bandar Brunei pada minggu lepas.

Forum yang di-anjorkan oleh Persatuan Ikatan Kampong Lorong Sekuna, Brunei itu telah di-pengerusikan oleh Yang Di-Pertua Persatuan itu Awang Abdul Saman bin Kahar.

Cheramah itu telah di-berikan oleh Awang Jaya bin Abdul Latif dan Awang Haji Mohamed Tarif bin Pehin Orang Kaya Perdana Wangsa Awang Haji Mohamed yang mewakili Majlis Belia2 Negeri Brunei di-Perhimpunan Belia Sa-Dunia di-New York.

Empat dari 10 orang anggota Majlis Belia Negeri Brunei ka-perhimpunan Belia Sa-Dunia di-Osaka Jepun yang beruchap di-majlis itu ia-lah:

Setiausaha Agong Majlis Belia2, Awang Yakub bin Ahmad, Awang Lim Jock Seng, Awang Abdul Latif bin Haji Ibrahim dan Awang Ahmad bin Haji Jumat.

Beberapa orang anggota persatuan2 belia telah mengemukakan beberapa pertanyaan yang mana telah di-jawap oleh peserta2 forum itu.

Lebih 400 keping gambar akan di-pertandingkan

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Fotografi Brunei setakat ini telah menerima lebih dari 400 keping gambar dari 12 buah negeri di-Asia untuk menyertai pameran gambar2 di-Bandar Brunei bulan Oktober depan.

Gambar2 itu akan di-hakimkan pada 27 September di-Pusat Belia Bandar Brunei dan gambar2 yang terpilih akan di-pamerkan di-bilik pameran Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Brunei selama dua hari mulai 25 Oktober.


Tiga hadiah istimewa khas

untuk jurugambar2 di-Brunei yang mendapat tempat pertama di-beri pingat emas, kedua pingat perak dan ketiga gangsa.

Negeri2 yang turut mengambil bahagian ia-lah India, Nepal, Vietnam, Kemboja, Burma, Thailand, Malaysia, Singapura, Philipina, Taiwan, Hongkong, Korea dan Brunei.

Mereka yang ingin menyertai pameran itu masih berpeluang lagi menghantarkan gambar2 mereka tidak lewat dari hari ini.

Gambar2 boleh di-kiriskan kepada Awang Abdul Hamid bin Haji Jalil di-Jabatan Pelajaran Bandar Brunei atau kepada Awang Liew Kok Pheng di-Black dan White studio Bandar Brunei.



Diskusi buku2 teks sastera

BANDAR BRUNEI. — Persatuan ASTERWANI akan mengadakan satu diskusi dua buah buku sastera di-Dewan Pusat Belia pada hari Sabtu 19 September mulai jam 3.0 petang.

Buku2 yang akan di-bincangkan itu ia-lah 'Patah Sayap Terbang Jua', sa-buah nobel hasil karya Samad Said dan 'Pertentangan' (Antologi Cherpen).

Kedua2 buah buku ini ia-lah di-jadikan buku teks di-sekolah2 menengah di-negeri ini bagi chalon2 yang akan mengambil peperiksaan SPM dan MCE.

Empat orang ahli sastera akan di-jemput untuk menganalisa buku2 tersebut. Mereka ia-lah Awang Idris bin Abdul Ghani, Awang Ibrahim bin Mohd. Said, Amida Abdul Hamid dan Awang Tuah bin Ahmad.

Setia Usaha ASTERWANI, Awang Leman bin Ahmad menyeru pemintat2 sastera terutama penuntut yang akan mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan M.C.E. supaya hadir bagi mengikuti persama pergolakan tema, teknik, saigologi, falsafah dan watak2 serta penilaian hasil sastera dalam kedua2 buah tersebut.

Hari bendera untuk kutip derma M.P.M.D.B.

SERIA. — Majlis Perkhidmatan Masharakat, Daerah Belait telah memperolehi \$3,-602.20 hasil dari kutipan dalam majlis tarian yang di-adakan di-S.R.C., Seria pada 29 Ogos, 1970.

Ini membawa kepada sa-jumlah \$16,000 wang yang telah di-kutip oleh majlis itu tahun ini dalam beberapa achara yang telah di-adakan di-daerah itu untuk menambahkan wang tabong majlis itu.

Satu hadiah bagi tiket masuk yang bernasib baik di-majlis tarian pada 29 Ogos itu belum lagi di-tuntut. Ini ada-lah hadiah yang ketiga, tiket No. 1004 yang di-jual di-Bandar Brunei. Pemegang tiket itu hendak-lah berhubung dengan Yang Berhormat Pehin Datu Derma Setia Dato Setia P.A. Coates di-60, Jalan Sultan, Bandar Brunei sa - chepat mungkin.

Kegiatan mengutip derma majlis itu yang akan datang ia-lah hari Bendera pada hari Sabtu, 3 Oktober, 1970.

Anggota2 Palang Merah, pandu2 puteri dan pengakap2 akan menjual bendera2 yang di-buat khas kepada orang ramai di-Kuala Belait, Penaga, Seria, Lumut dan Sungai Liang.

Tamu di-K.Belait

KUALA BELAIT. — Lembaga Bandaran Belait telah meluluskan penggunaan tanah lapang dekat Bank Kebangsaan di-Kuala Belait sa-bagai tapak bagi tamu minggu untuk peladang2 di-daerah itu.

Tamu itu akan di-adakan tiap2 hari Juma'at dari pukul 6.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Perlumbaan jalan kaki untuk kutip derma

BANDAR BRUNEI. — Kelab Rotary Bandar Brunei akan menganjorkan Lumba Jalan Kaki pada hari Ahad, 20 September untuk mengutip wang bagi Tabong biasiswa-nya.

Perlumbaan itu akan bermula dari padang besar Bandar Brunei hingga ka-Lembah Subok dan pulang, sa-jauh kurang

dari 10 batu dan di-mulakan pada pukul 8.00 pagi.

Hadiah2 akan disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British pada pukul 11.00 pagi di-padang besar.

Permohonan masuk akan diterima dari semua peserta, sama ada sa-baagi peserta per-

saorangan atau sa-baagi pasukan yang terdiri dari enam orang.

Hadiah2 yang menarek, termasuk tiket kapalterbang ka-Singapura, Kuching dan Kota Kinabalu dan pulang ada-lah di-tawarkan.

Semua peserta hendak-lah membayar \$50.00 sa-orang.



Gambar atas menunjukkan kawasan pelabuhan ayer dalam di-Muara di-ambl dari udara.

Kerja2 ka-atas pelabuhan itu sekarang ini sedang berjalan dengan lancar. Projek yang menelan belanja berjuta2 ringgit itu di-jadualkan siap dalam pertengahan tahun depan.



Sukongan terhadap penubohan Surohanjaya Pelajaran

KUALA BELAIT. — Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Belait yang berlangsung di-bilek persidangan pejabat2 Kerajaan Kuala Belait pada minggu lalu telah meluluskan satu usol.

Uso1 itu telah di-kemukakan oleh Pengiran Mohamad Yusof bin Pengiran Abu Bakar, ahli kawasan Marina Seria yang menyampaikan rasa penghargaan dan sukongan yang sa-penoh-nya terhadap usaha Kerajaan menubuhkan sa-buah Surohanjaya Pelajaran baru2 ini.

Ketika membentangkan usol

itu beliau berharap supaya surohanjaya pelajaran yang di-bentuk itu akan dapat melaksanakan dasar pelajaran yang tegas dan mengkaji kelemahan pelajar2 di-semua bidang pelajaran supaya hasil-nya dapat di-nikmati oleh semua raayat di-negeri ini.

Menyentuh mengenai pengambilan guru2 dari seberang laut sa-chara kontrek, beliau juga mengharapkan supaya guru2 yang di-ambl itu jangan-lah terlalu lanjut usia-nya yang kerap kali mendatangkan gangguan ketika menjalankan tugas di - sebabkan selalu menghidap penyakit.

Sa-ramai tiga orang ahli telah menyampaikan ucapan penanggihan di-majlis itu. Mereka ia-lah Awang Mohamad Yassin bin Haji Mohamad Yusof ahli kawasan Penaga Seria, yang menyampaikan ucapan bertajok 'Kemajuan dan Perkembangan di-bidang Uagama.

Malai Mashor bin Malai Haji Abdul Hamid, wakil kawasan Pekan Seria menyampaikan ucapan bertajok 'Anak2 tempatan harus diberi keutamaan dalam segi perniagaan, dan Awang Zainal Abidin bin Puteh, wakil kawasan Penglima Kuala Belait menyampaikan ucapan bertajok 'Menanamkan rasa harmoni di-kalangan raayat.' Persidangan itu di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan.

Bintang Radio: Empat orang di-pileh ka-perengkat negeri

KUALA BELAIT. — Empat orang penyanyi telah di-pileh untuk mewakili Daerah Belait dalam pertandingan akhir

Bintang Radio perengkat negeri yang akan di-adakan di-Bandar Brunei pada 3 Oktober.

Empat orang penyanyi yang terpilih itu ia-lah Abu Bakar bin Haji Paun, Amedun bin Mohd. Yassin, Rohani Harris dan Masnah Abdul Rahman.

Mereka telah di-pileh dari enam belas orang peserta yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan Bintang Radio yang telah di-adakan di-Dewan Kemesharakatan di-Kuala Belait pada minggu lalu.

Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan telah merasmikan pertandingan itu sementara isteri beliau Pengiran Hajjah Aishah telah menyampaikan hadiah2.

Gambar kiri menunjukkan Pg. Hajjah Aishah sedang menyampaikan piala kepada Awang Amedun.

Perjumpaan Penghulu2, Ketua2 Kg.

BANDAR BRUNEI. — Satu perjumpaan antara penghulu2 dan ketua2 kampung Daerah Brunei Muara bagi membincangkan acara2 sambutan sempena penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan telah berlangsung di-Pusat Belia Bandar Brunei pagi Sabtu lalu.

Perjumpaan itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Pentadbir di-Pejabat Daerah Brunei Muara Awang Abdul Aziz bin Mohamed dan dibantu oleh Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim.

Penghulu2 dan ketua2 kampung itu juga telah menubuhkan sa-buah jawatankuasa bagi mengadakan perarakan tanglong semasa perayaan itu.

Anggota2-nya terdiri: Pengerusi — Awang Ibrahim bin Besar, Ketua Kampong Saba Tengah; Penolong Pengerusi — Dato Ratna Awang Haji Jaa-

far bin Jamaludin, Penghulu Kampong Kiarong; Setiausaha — Pengiran Haji Mahmud bin Pengiran Haji Mohamad Daud, Ketua Kampong Pemancha Lama dan Penolong Setiausaha Awang Mohamad Noor bin Khatib Abdul Razak, Ketua Kampong Limbongan.

Mereka juga akan mengarahkan anak2 kampung di-kawasan masing2 supaya berchuchul di-rumah2 sepanjang perayaan itu.

Dua pegawai berkursus di-Taipei

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai, Awang Mohamed bin Haji Serudin, sa-orang pegawai pentadbir di-Pejabat Tanah dan Awang Abdul Hamid bin Ja'afar telah meninggalkan Brunei pada minggu lalu ka-Taiwan untuk menghadiri satu seminar di-Yayasan Latehan Pembukaan Se-

Perlawanan bola

BANDAR BRUNEI. — Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan menganjorkan satu pertandingan bola sepak sempena menyambut hari penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan bulan hadapan.

Sa-orang juruchakap bagi persatuan itu berkata, perlawanan bola sepak itu ada-lah terbuka kepada persatuan2 belia di-negeri ini.

mula Tanah di-Taipei.

Seminar yang akan bermula pada 14 September itu akan membincangkan antara lain, penggunaan tanah dan pembangunan tanah.

Awang Mohamed dan Awang Abdul Hamid akan berada di-luar negeri kira2 dua bulan.

Belia Sumbiling anjorkan perlawanan bola sepak

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling akan menganjorkan perlawanan bola sepak sa-chara kalah mati kali ke-4 pada pertengahan bulan Oktober hadapan bagi merebut piala kejohanan hadiah dari Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom.

Setia Usaha Sokan Persatuan itu Awang Abdul Majid bin Abdullah berkata, perlawanan itu terbuka kepada semua persatuan2 yang bergabung dengan Majlis Belia2 Persatuan Bola Sepak Amateur Brunei.

Bayaran memasoki perlawanan itu sa-banyak \$10.00 tiap2 satu pasukan.

Borang2 memasoki perlawanan itu boleh di-dapati dari Awang Muhamad bin Che'ku di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Awang Mohamad Tamin bin Abdullah di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dan Awang Abdul Majid bin Abdullah di-Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan Awam Brunei.

Tarikh penutup penerimaan borang2 ia-lah pada 1hb, Oktober.

Pertunjukkan pertanian pada 3 Okt.

BANDAR BRUNEI. — Pertunjukkan binatang2 ternakan ada-lah merupakan sebahagian dari Pertunjukkan Pertanian Negeri yang akan di-adakan di-bangunan sementara Maktab SOAS di-Bandar Brunei pada 3 Oktober hadapan.

Pertunjukkan tersebut ada-lah sa-bahagian dari ranchangan menyambut perayaan bersempena penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

Hadiah2 wang tunai akan di-berikan kepada pemenang pertama, kedua dan ketiga kedua2 bahagin itu. Selain dari hadiah2 wang tunai, hadiah2 berupa piala juga akan di-berikan.

Lain2 binatang ternakan yang akan di-hakimkan dalam pameran itu ia-lah ayam, itek, angsa dan ayam belanda, dan telur2 ayam dan itek.

Lain2 yang akan di-pertunjukkan termasuk-lah sayoran2 buahhan2, pohon buahhan2 dan padi.

Peladang2 yang ingin menyertai pertunjukkan pertanian negeri itu ada-lah di-minta berhubung dengan pegawai2 pertanian di-daerah masing2 untuk mendapatkan butir2 lanjut.

Dua penuntut lanjutkan pelajaran

BANDAR BRUNEI. — Dua orang penuntut Brunei telah berlepas ka-United Kingdom pada hari Sabtu lepas.

Mereka ia-lah Awang Sulaiman bin Buntar yang akan menuntut di-Bristol Polytechnic, Bristol, untuk mendapatkan ijazah dalam bahagian undang2, dan Dayang Maymon binte Mohamed yang akan menuntut di-maktab Northon Countis, New Castle Upon Tyne kerana mempelajari ekonomi rumah tangga.

Awang Sulaiman lulus peperiksaan sijil persekolahan tinggi tahun lalu.

Kedua2 orang penuntut itu telah di - hadiahkan biasiswa kerajaan dan akan berada di-luar negeri kira2 tiga tahun.

Kursus bagi bakal2 haji

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal Agama sedang memberikan kursus Haji bagi bakal2 Haji di-seluruh negeri yang akan ka-Mekah tahun depan.

Dari 397 orang bakal Haji yang mendaftarkan nama untuk menunaikan haji, 333 dari-

pada-nya dari Daerah Brunei dan Muara, dan mereka meng-hadiri kursus itu pada tiap2 hari Juma'at bermula dari 4 September lalu, dari pukul 8.30 pagi hingga 10.00 pagi sa-hingga akhir bulan hadapan.

Sa-banyak tujuh buah kelas akan di-adakan di-Sekolah Menengah Arab Hassanul Bol-

kiah dan tiga lagi di-Madrasah Bandar Brunei.

Kursus Haji di-Daerah Belait, Tutong dan Temburong di-adakan pada tiap2 hari Sabtu bermula hari Sabtu lalu, dari pukul 8.30 hingga 10.00 pagi, sa-hingga akhir bulan hada-

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

A) PEGAWAI BAHASA:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan degree dari Universiti yang di-akui dalam pengajian Melayu atau mempunyai diploma yang sa-banding dengan-nya; atau,

b) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan yang tersebut diatas tetapi mempunyai pengalaman yang istimewa dalam hal karang mengarang dalam Bahasa Melayu akan juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B.2 EB3 — B51020 x 40 — 1620/EB/1670 x 50 1820. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

B) PEGAWAI PERPUSTAKAAN:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan V di-Sekolah2 Menengah atau yang sa-banding dengan-nya;

b) Mempunyai pengalaman dalam hal perpustakaan sa-lama sa-kurang-nya tiga tahun; dan

c) Keutamaan akan di-beri kepada chalon yang mempunyai kelayakan dan pengalaman dalam bidang perpustakaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB4 — S380 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

C) PENOLONG PEGAWAI ISTILAH:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang berkelulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut/Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu dengan mendapat kepujian dalam bahasa Melayu dan Inggeris atau mempunyai kelayakan2 yang sa-banding dengan-nya. Mereka yang mempunyai pengalaman dalam bidang Istilah selama dua tahun,

sa-bagai tambahan kepada kelayakan2 yang di-kehendaki, akan di-beri keutamaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 EB 4 — S380 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

D) PENOLONG PENYUNTING:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut atau yang sebanding dengan-nya.

b) Mempunyai pengetahuan tinggi dalam Bahasa Melayu dan Persuratan Melayu dan mempunyai pengalaman sa-bagai penyunting.

c) Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan yang di-sebutkan dalam (a) tetapi ada mempunyai pengalaman yang luas dalam hal menyunting akan juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 EB 4 — S380 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalon yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perchubuan selama enam bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama. Bagi chalon2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubuan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan gapen berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia

Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30hb. September, 1970.

Sa-bagai Pemandu Moto Sangkut

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan Pemandu Motor Sangkut di-Pejabat Daerah Belait, Kuala Belait.

Hanya orang2 yang tinggal di-Daerah Belait di-kehendaki permohonan:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sekurang2-nya selama 3 tahun dan boleh memperbaiki sebarang kerosakan kecil bagi jentera motor sangkut.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 2 EB 3 — S180 x 5 — 195/EB/200 x 5 — 220.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25hb. September, 1970.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



Sabda Y.T.M. Pg. Perdana Wazir

(Dari Muka 1)

Askar, Polis dan dari berjenis nama pasokan di-negeri kita Brunei ini dan dengan rakyat penduduk laila isi dalam negeri Brunei yang benar2 chintakan keselamatan, chintakan keamanan, chintakan sifat pembawaan, patoh pada undang2 dan Peratoran Kerajaan Paduka Seri Yang Di-Pertuan Hassanal Bolkiah.

Demikian juga beta perchaya pada keyakinan beta dengan izin Allah Subahanahu wata'ala Kerajaan British bersempati dengan negeri D.Y.M.M. ia-itu Negeri Brunei Darussalam. Pada murid2 sekolah ini khas-nya dan murid2 yang maseh dudok di-bangku sekolah di-seluruh negeri ini dan penuntut2 yang di-hantar keluar negeri umum-nya, beta ingin berseru supaya murid2 sekalian benar2 menumpukan sunggoh2an dan menetek beratkan bagi mempelajari laila ilmu2 pengetahuan yang di-sampaikan oleh guru2 kamu murid2 sekalian. Dan, begitu juga kepada guru2 sama ada guru2 tempatan mahupun yang berkontrek akan berkhidmat dengan jujur dan ikhlas dan benar2 menunaikan kewajipan, tanggung jawab awang2 sa-bagai guru menchurahkan laila didekan laila ilmu mata pelajaran kepada murid2 itu sekalian dan kepada ibu bapa mereka (penuntut2) kanak2 sekolah. Beta faham bahawa dalam persekolahan murid2 sekalian tidak pula sepanjang masa murid2 sekalian akan memeras otak bahkan juga mustahak ia-lah mengambil peranan dalam gerakan2 sokan. Dari itu selain dari menggunakan baik bangunan yang ada di-sekolah ini, murid2 sekalian hendak-lah juga menggunakan dengan baik-nya padang2 permainan serta perkakas2 permainan dengan terator.

Awang dan Dayang2 sekalian.—Beta telah pun di-fahamkan bahawa sa-tahun demi sa-tahun jumlah murid2 yang memasoki sekolah semakin bertambah dan berdasarkan atas keadaan ini-lah, maka Kerajaan D.Y.M.M. melalui Jabatan Pelajaran sentiasa mengator dan merapi susunan bukan saja persekolahan bahkan juga melailakan mutu pendidekan dan pengajaran yang benar2 munafa'at kepada negeri Baginda dan Kerajaan Baginda.

Beta yakin bahawa Jabatan Pelajaran pada masa ini sedang giat dalam usaha-nya bagi memenohi laila hasrat masharakat di-negeri ini dari segi ilmu pengetahuan. Dalam menyatakan bahawa Jabatan Pelajaran mengambil peranan penting di-segi ilmu pengetahuan tidak pula beta chuba menyatakan bahawa ibu bapa murid2 itu adalah kurang tanggung jawab-nya daripada Jabatan Pelajaran khusus-nya atau guru2 umum-nya dari didekan pengajaran dan nasihat karah kebajikan yang berfaedah akan menambahkan lagi mengawal kesentosaan murid2 itu, ibu bapa sama juga tanggung jawab-nya pada menetek beratkan untuk kebajikan, kesentosaan dengan guru.

Kerjasama dari ibu bapa dengan guru2 ada-lah amat penting pada menggalakkan murid2 itu rajin bersekolah, bertata tertil, bertata santun laila hormat dan bertata adap laila beradap dengan harapan supaya apa yang telah beta nyatakan itu tadi akan dapat di-amil ingatan oleh guru2, murid2 dan ibu2 bapa sekalian.

Maka dengan mendahulukan kalimat Bismillah nir-rahman-nir-rahim, beta rasmikan pembukaan Sekolah Ingeris Perdana Wazir pada hari ini 12hb. September, 1970.



BUNUT DI-PILEH UNTUK MULAKAN PROJEK KEBERSEHAN LUAR BANDAR

BANDAR BRUNEI. — Satu kawasan di-Kampung Bunut, Jalan Tutong telah di-pilih sa-bagai tempat yang sesuai untuk melancarkan projek permulaan kebersihan luar bandar sa-bagai sa-bahagian dari rangkaian ranchangan kesihatan negara.

Projek itu merupakan langkah permulaan atau panduan untuk mengetahui masalah2 yang bakal di-hadapi bagi melichinkan kerja2 yang di-buat yang kemudian-nya akan diikuti di-semua kampung dalam negeri ini.

Beberapa orang Merinyu Kesihatan telah pun di-lateh untuk memberi nasihat dan menolong orang2 kampung yang menghadapi masalah2 kebersihan yang tujuan utama-nya meninggikan taraf kesihatan semua penduduk.

Ini telah di-nyatakan oleh Pengawas dan Pentadbir Teknikal Kesihatan Awam, Awang Chua Kong Seng dalam cheramah khas mengenai 'Kesihatan' dalam satu perjumpaan Penghulu2 dan Ketua2 Kampung Daerah Brunei/Muara di-dekan Kemasharakatan Bandar Brunei baru2 ini.

Awang Chua menerangkan bahawa zaman orang2 hidup terpenchil di-daerah2 pendalaman sudah luput dan sekarang kampung2 sa-makin membesar dan ada sa-tengah-nya pula merupakan bandar2 yang kecil.

Perhubungan dan pengangkutan bertambah pesat dan dengan itu juga ada-lah perlu di-ingat bahawa dalam hal2 yang serupa itu mudah membawa penyakit dari satu rumah ka-satu rumah, dari satu kampung ka-satu kampung dan dari satu negeri ka-negeri yang lain dengan chepat saja.

Dalam cheramah itu beliau

juga memberi chuntoh2 bagaimana menjaga kebersihan yang menekankan sampah sarap jangan di-buang sembarangan.

Beliau berkata, jika sa-seorang membuang sampah sarap yang tidak terator, maka ia-nya mudah menjadi sarang lalat, nyamok dan tikus membiak menyebabkan di-situ-lah puncha merebak-nya segala penyakit yang di-bawa oleh binatang2 tadi.

Orang2 yang tinggal dalam satu2 kawasan atau kampung terutama rumah2 berdekatan, jiran2 itu harus-lah mempunyai kepentingan bersama ia-itu menjaga kebersihan mengikut peratoran2 yang baik untuk kesuboran kesihatan dan kehidupan yang bererti bukan bagi mereka bahkan bagi seluruh kampung atau negeri itu dimana rumah mereka ada-lah tempat kediaman yang serunok dan rehat.

Matalamat ini kata-nya, ha-nya akan dapat di-chapai dengan ada-nya kesedaran dan kerjasama dari semua penduduk yang benar2 mematohi dan menjaga kebersihan yang menganggap kebersihan itu ada-lah kehidupan mereka dan semua kekotoran ada-lah puncha semua penyakit.

Beliau menambah kata jika sa-seorang memandang di-sekeliling Brunei, dia akan dapat menyaksikan rumah2 pangsa yang bertingkat2, hotel2, kedai2 makan yang moden dan beberapa bangunan2 yang sedang di-bena.

Di-sana sini nampak dengan jelas ranchangan2 kerajaan terutama projek saloran najis, bekalan2 ayer berseh sedang dipasang dan setakat ini telah jelas tanda2 kemajuan di-chapai terutama di-bidang kesihatan awam untuk menyambangi negeri2 yang sedang membangun.

Gambar atas menunjukkan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir (No. 4 dari kanan) bersama2 dengan pembesar2 negara yang hadir dimajlis pembukaan rasmi sekolah tersebut. Dudok dari kiri ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin (Setia Usaha Kerajaan), Y.A.M. Pengiran Mahraja Laila Setia Di-Raja Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Y.A.M. Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Pengiran Haji Mohamad Y.A.M. Pengiran Perdana Cheteria Laila Di-Raja Sahibul Nabalah Pengiran Anak Haji Khamsis, Dato MacInnes, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Awang Stephen (Pengetua sekolah tersebut) dan Y.A.M. Pengiran Paduka Tuan Sahibul Karib, Pengiran Haji Abu Bakar.

Bekalan ayer

yg. sempurna bagi penduduk2 Labi

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah menerima tawaran untuk melaksanakan satu projek bagi memperbaiki bekalan ayer di-Labi.

Apabila projek itu siap, maka penduduk2 di-Labi buat pertama kali-nya akan menerima bekalan ayer dengan lebeh sempurna.

Sharikat Binnie dan rakan2 yang merika projek itu akan juga mengawasi di-sepanjang pelaksanaan-nya sa-hingga selesai.

Sa-orang juruchakap shariat itu menyatakan bahawa kerja2 itu akan mengandongi bagi mengadakan kemudahan2 pemeliharaan ayer, memasang saloran2 paip dan pembenaan sa-buah tangki ayer yang baru.

Kerja2 itu akan di-laksanakan segera dan di-jadualkan siap semua-nya pada penghujung bulan Februari tahun depan.

Ayer akan di-kumpa dari dua telaga dan di-salorkan ka-jentera pengolah untuk membersihkan ayer itu. Sa-lepas di-bersehan, ayer tersebut akan di-kumpa terus ka-tangki yang baharu dengan melalui saloran2 yang sedia ada.